

5,157 mohon pinjaman Mikro Kredit RM81.7j

UM 18 JUN 2003



Laporan

MAZNAH MOHD. ARSAD
dan NOR AZIAH JAAFAR

yang mahu melihat sendiri laporan itu dengan matlamat untuk memastikan mereka yang memerlukan pinjaman mendapat hak mereka.

Sementara itu mengenai laporan yang menyatakan terdapat penyelewengan Airod Sdn. Bhd., perkara itu kini dalam siasatan polis.

"Kita tidak boleh terus menggantung perjalanan syarikat yang menjalankan perkhidmatan penyelenggaraan kapal terbang apabila menerima sebarang aduan. Kita kena tunggu hasil siasatan baru boleh ambil tindakan selanjutnya," jelasnya.

KUALA LUMPUR 17 Jun — Sejumlah 5,157 pinjaman melibatkan RM81.7 juta telah diterima oleh Bank Pertanian Malaysia (BPM) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) menerusi skim Mikro Kredit sehingga semalam.

Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 4,081 pemohon telah memohon pinjaman dengan BPM yang melibatkan pinjaman sebanyak RM63.2 juta.

Katanya, sebanyak 1,076 pemohon lagi telah meminjam dengan BSN yang melibatkan peruntukan sebanyak RM18.5 juta.

"Berdasarkan laporan yang kami terima bagi BPM, sebanyak 1,226 permohonan telah diluluskan dengan me-

libatkan peruntukan RM17.38 juta.

"Manakala baki permohonan tersebut sama ada ditolak atau dikaji semula," katanya kepadamedia selepas menghadiri sidang Dewan Rakyat di sini hari ini.

Shafie memberitahu, berikutan pengalaman yang luas yang dimiliki oleh BPM, ia hanya memerlukan lima hari waktu bekeja untuk meluluskan pinjaman tersebut.

Pinjaman itu juga diluluskan di peringkat cawangan bank itu.

Mengenai BSN kata Shafie, bank tersebut yang kurang berpengalaman dalam skim Mikro Kredit memerlukan masa sekitar 14 hari untuk meluluskan pinjaman tersebut.

Katanya, untuk tujuan

itu, BSN kini sedang melatih mentor (pembimbing) yang berperanan membantu para peniaga kecil yang ingin mendapatkan pinjaman dari bank tersebut.

"Bagi mencanai matlamat itu setiap mentor dikehendaki membina sekitar 10 peniaga. Kalau mereka berjaya membimbing peniaga terbabit, BSN akan memberi insentif kepada mentor berkenaan iaitu RM400 bagi setiap peminjam," katanya.

Menurutnya, bagi memastikan kelancaran perjalanan skim tersebut bank-bank berkenaan dikehendaki membuat laporan secara berkala setiap minggu.

Kata Shafie, langkah itu diambil berikutan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad